



UCAPAN PERASMIAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS PELUNCURAN TRANSFORMASI POLITEKNIK
2023-2030**

TARIKH/ MASA:

**04 DISEMBER 2023 (ISNIN)
10.00 PAGI**

TEMPAT:

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
(PICC)
W.P. PUTRAJAYA**

**UCAPAN PERASMIAN
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
SEMPENA MAJLIS PELUNCURAN TRANSFORMASI
POLITEKNIK 2023-2030**

1. Alhamdulillah, pertamanya suka saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir ke **Majlis Peluncuran Transformasi Politeknik 2023-2030** pada pagi ini.
2. Saya mengambil kesempatan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas jemputan untuk saya bersama-sama menyempurnakan majlis ini.
3. Saya berbesar hati kerana peluncuran Transformasi Politeknik yang bakal kita saksikan sebentar nanti adalah satu manifestasi yang jelas, bahawa usaha mentransformasikan politeknik adalah satu usaha yang serius dan berterusan.
4. Ini kerana, pengajian di politeknik bukan sahaja setara dan setanding dengan pengajian di universiti atau apa-apa IPT lain.
5. Sebaliknya, politeknik adalah institusi yang menawarkan pelbagai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri. Kekuatan dan kelebihan yang selayaknya ditonjolkan secara besar-

besaran dan meluas.

6. Jadi, hala tuju dan transformasi ini adalah sesuatu yang tepat pada masanya dan mesti dijayakan dengan sebaik-baiknya.
7. Saya melihat, terdapat beberapa tuntutan penting yang mengasak kita untuk melakukan anjakan segera kepada politeknik dan program pengajiannya.
8. **Pertama, cabaran abad ke-21 seperti gelombang Revolusi Industri (IR 4.0), penggunaan *Internet of Things*, *Artificial Intelligence* (AI), pendigitalan serta teknologi-teknologi disruptif.**
9. Kesemua ini merupakan satu ledakan yang menuntut penyelarasan semua program latihan yang kita tawarkan. Ia mesti bersifat semasa. Malah, ia mesti menjawab keperluan dan permintaan terkini pasaran.
10. Kandungan pengajian, kaedah dan pendekatan pembelajaran, serta fokus sesuatu penyelidikan dan inovasi. Semua ini mesti tidak boleh terpisah daripada kemaraan teknologi semasa.
11. **Kedua, keperluan mempelbagai hubungan dan jalinan kerjasama dengan semua pihak khususnya pemain industri.**
12. Sekali pun kita akui bahawa wujud kerjasama yang baik dengan pihak industri, kita tidak boleh mudah berpuas hati atau melihat semua itu sebagai *business as usual*.

13. Segala jalinan dan hubungan yang ada mesti dirancarkan. Kita mesti bersama-sama meneroka dan memeta kerjasama yang lebih radikal dan pelbagai dengan semua pihak.
14. Ia bukan sahaja akan memberikan para pelajar serta tenaga pengajar kita pendedahan yang lebih realistik dan mencabar. Tetapi akan turut menjadi bukti kesediaan dan keterbukaan sektor pendidikan tinggi negara untuk belajar dan menambah baik tawaran kita kepada masyarakat.
15. **Ketiga, lonjakan politeknik ini adalah hasrat ini seiring dengan Aspirasi Malaysia MADANI dan dasar-dasar utama negara.**
16. Di bawah gagasan Malaysia MADANI antara fokus yang kita mahu budayakan adalah pemikiran yang dipacu **Daya Cipta**. Dan perkara ini sangat bersesuaian untuk disuburkan melalui program-program pengajian politeknik.
17. Dalam konteks yang lebih spesifik, inisiatif kerajaan di bawah **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)** yang terdiri daripada lima (5) sektor ekonomi memerlukan kepakaran dan kemahiran dalam keperluan pekerjaan.
18. Sektor pertanian misalnya, menawarkan sehingga 482 ribu pekerjaan, perlombongan & pengkuarian, 80 ribu pekerjaan, pembuatan, 2.43 juta pekerjaan, pembinaan, 1.26 juta pekerjaan dan perkhidmatan, 4.58 juta pekerjaan.
19. Selain itu, KPT mahu terlibat dan menyokong aspirasi

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dalam usaha mencapai status negara berteknologi tinggi pada tahun 2030.

20. Jadi, agenda transformasi ini boleh turut dilihat sebagai tindak balas dan sambutan sektor pendidikan tinggi kepada keperluan pasaran kerja negara.
21. Maka, berbekalkan landskap semasa ini, pihak KPT mengambil inisiatif menyusun dan melonjak semula kekuatan politeknik. Dan semua ini mensasarkan secara jelas beberapa matlamat.
22. **Pertama**, kita mahu politeknik menjadi medan dan pemain utama untuk latihan kemahiran dan pemerkasaan pengajian TVET. Sekali gus menjadi pilihan dan alternatif yang berdaya saing dalam ekosistem pendidikan tinggi.
23. **Kedua**, kita mahu membuka ruang untuk penyertaan dan penglibatan pihak industri, pusat kecemerlangan dan penyelidikan untuk menjadi sebahagian daripada pemacu aktif dalam pendidikan tinggi.
24. **Ketiga**, ini merupakan usaha pengukuhan kebolehpasaran graduan yang sistematik dan bersifat langsung.
25. **Keempat dan terakhir**, transformasi ini adalah satu proses mengoptimumkan bakat, potensi serta peluang negara untuk menjadi maju dan berdaya saing melalui lapangan TVET.

26. Terutamanya dalam konteks penyediaan bakat berkemahiran tinggi yang berupaya menjawab tuntutan serta keperluan semasa.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

27. Lanjutan kepada pelancaran pelan hala tuju serta transformasi politeknik ini, semua pihak mesti bekerjasama dan menggembeng kekuatan masing-masing dengan lebih bersepadu untuk menjayakannya.
28. Peranan Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) adalah sangat kritikal. Terutamanya bagi memastikan kejayaan inisiatif dan hala tuju TVET negara melalui penyelarasan dasar-dasar di peringkat nasional merentas 12 kementerian.
29. Malah, MTVET harus menjadi platform percambahan idea yang konstruktif bagi merealisasikan agenda pemerkasaan bidang TVET.
30. Keseriusan Kerajaan menitikberatkan bidang TVET terserlah melalui peruntukan keseluruhan sebanyak **RM 6.8 bilion di bawah Belanjawan 2024.**
31. Saya yakin KPT dan semua kementerian yang terlibat dalam menawarkan program pengajian atau latihan berkaitan TVET akan berupaya menterjemahkan sokongan serta komitmen kerajaan ini ke dalam hasil yang menguntungkan negara, insya-Allah.
32. Sebelum berakhir, sekali lagi tahniah kepada

Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Peluncuran Transformasi Politeknik 2023-2030.

33. Dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan **Transformasi Politeknik 2023-2030**.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.